



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

KENYATAAN MEDIA

STATUS BEKALAN AYAM DI PASARAN

1. Kementerian (MAFI) mengambil maklum laporan yang disiarkan sebuah akhbar berhubung isu 'kartel' ayam yang bertindak memberhentikan operasi ladang pada Sabtu dan Ahad (21.5.2022- 22.5.2022), dan ingin menjelaskan situasi bekalan ayam di pasaran yang mengakibatkan berlaku kekurangan bekalan ayam di pasaran. Menerusi laporan tersebut alasan yang diberikan adalah kerana ayam di ladang belum mencapai berat jualan akibat masalah penggemukan ayam terjejas.
2. Susulan pemeriksaan oleh Jabatan Perkhidmatan Veteriner (DVS), penjelasan pihak syarikat ladang ayam terbabit serta sesi libat urus yang diadakan mendapati laporan tersebut kurang tepat. Pihak syarikat ladang ayam terbabit telah memberikan jaminan bahawa ladang-ladang mereka akan terus membekalkan ayam untuk keperluan pasaran tempatan, khususnya ayam diproses samada dalam bentuk ayam bulat, ayam 'super', ayam 'standard' serta keratan ayam.
3. Pemeriksaan yang dilakukan oleh DVS juga mendapati kebanyakan ladang ayam bersedia untuk membekalkan ayam. Walaubagaimanapun, tidak dinafikan ada dalam kalangan ladang-ladang ayam menghadapi masalah kenaikan berat badan ayam yang terganggu akibat kualiti dedak makanan ayam, jangkitan penyakit, keadaan cuaca panas yang melampau turut mengganggu pembesaran ayam di ladang terutama reban sistem terbuka. Ini telah memberikan kesan kepada bekalan ayam di kawasan-kawasan tertentu.
4. Kementerian juga ingin menjelaskan bahawa proses penilaian pemberian subsidi ayam melalui DVS kepada penternak yang mengemukakan permohonan sedang disegerakan. Penternak yang memenuhi syarat dan mendapat kelulusan pembayaran memperoleh tuntutan dalam tempoh yang telah dijanjikan.
5. MAFI akan terus mengadakan perjumpaan dan libat urus dengan semua pihak industri yang terlibat langsung dalam rantaian pengeluaran bekalan ayam memastikan kelangsungan pengeluaran bekalan.
6. MAFI memandang serius terhadap isu-isu yang mengancam sekuriti makanan negara dan sentiasa berusaha bersama-sama dengan pihak-pihak berkepentingan dalam menstabilkan kembali bekalan bagi menjamin bekalan ayam mencukupi untuk keperluan negara sepanjang masa.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

22 MEI 2022